

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS SAMBUTAN HARI KUALITI JABATAN AUDIT NEGARA
Lokasi :
Tarikh : 12-10-1996

1. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena menyambut Majlis Hari Kualiti 1996 Jabatan Audit Negara. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Hari Kualiti Jabatan Audit Negara yang telah membuat persediaan untuk mengadakan perjumpaan ini, dan di atas jemputan untuk saya merasmikan Hari Kualiti Jabatan Audit Negara pada tahun ini.

2. Sambutan Hari Kualiti merupakan acara penting bagi sesuatu organisasi itu. Ia memberi kesempatan untuk sesebuah organisasi memperbaharui komitmen serta keazaman dalam usaha-usaha ke arah peningkatan kualiti. Ia juga adalah satu cara bagi menginstitusi serta mewujudkan kesedaran budaya kualiti dan perubahan dalam sesebuah organisasi, di samping untuk menilai semula usaha-usaha pembaharuan yang telah dilakukan dalam pengurusan kualiti sepanjang tahun.

Walau bagaimanapun usaha ini hendaklah dibuat berlandaskan matlamat dan garis panduan, dengan harapan agar ianya mampu untuk merealisasikan konsep "Pengurusan Kualiti Menyeluruh" atau TQM. Konsep TQM ini hendaklah sentiasa dijadikan sebagai panduan harian memandangkan ia suatu proses yang berterusan serta tiada penamatnya. Oleh itu, adalah penting supaya konsep TQM terus dipergiatkan bukan sekadar dilayangkan sempena Hari Kualiti ini tetapi hendaklah disebatikan sebagai suatu budaya kerja bagi sesebuah jabatan itu, sepertimana ungkapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri: "Kualiti seharusnya menjadi cara hidup kita dan satu tradisi yang diamalkan sampai bila-bila. Ia tidak cukup jika sekadar diungkapkan dalam ucapan atau pun laungan kempen-kempen tetapi apa yang harus dilakukan adalah dengan menerapkan sikap ini ke dalam kehidupan harian kita." 3. Usaha-usaha untuk menerapkan budaya kualiti di dalam perkhidmatan awam telah bermula sejak tahun 1989 apabila terlancarnya Gerakan Budaya Kerja Cemerlang. Etika perkhidmatan ini diwujudkan selaras dengan program reformasi yang telah dirangka dan ingin dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan dan kecepaian perkhidmatan awam negara.

Sebahagian daripada unsur penting yang telah juga dianjurkan adalah untuk memajukan perkhidmatan yang berteraskan keselesaan dan kepentingan pelanggan.

Saya telah difahamkan bahawa penerimaan terhadap pendekatan ini amat baik di mana beberapa agensi Kerajaan telah menjadikannya sebagai satu agenda utama dalam mempertingkatkan pengurusan kualiti dalam jabatan. Kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan diperkuatkan lagi dengan terlancarnya Piagam Pelanggan di dalam perkhidmatan awam pada tahun 1993. Piagam Pelanggan ini memperuntukkan standard-standard kualiti yang jelas serta dipamerkan dengan jaminan bahawa pelanggan akan mendapat perkhidmatan terbaik sebagaimana yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, dengan mengambilkira kehendak pelanggan yang sentiasa berubah, saya berpendapat penekanan harus diberikan kepada pengubahsuaian agar perkhidmatan yang diberi sentiasa memenuhi matlamat yang ditetapkan. Di dalam hal ini, TQM dilihat sebagai satu falsafah pengurusan yang menggalakkan penyertaan dan penglibatan seluruh warga organisasi demi menyumbang ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan sama ada dalam bentuk pendapat, masa atau tenaga. Di samping itu nilai-nilai seperti kos, ketepatan masa, pencapaian sasaran, inovatif dan keprihatinan terhadap kehendak pelanggan adalah juga integral di dalam membangunkan budaya kualiti.

4. Saya merasa bangga kerana Jabatan Audit Negara juga telah berusaha untuk menerapkan budaya kualiti dalam pelaksanaan tugas harian. Saya menganggap ianya penting terutamanya sebagai salah sebuah institusi Kerajaan yang memikul tanggungjawab menjamin akauntabiliti dalam pengurusan kewangan awam. Saya juga amat tertarik hati dengan Slogan Q Jabatan yang telah digubal dan akan dilancarkan secara rasminya pada hari ini iaitu "AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI". Dengan berpandukan Slogan Q ini, saya yakin ianya akan dapat menyemarakkan lagi semangat seluruh warga Jabatan ini untuk memperkukuhkan jentera pentadbiran dalam menghadapi cabaran tugas yang semakin rumit dan mencabar. Walau bagaimanapun, perlu saya mengingatkan

bahawa slogan akan hanya merupakan hollow exhortation semata-mata jika tidak disertai dengan kesungguhan untuk mencapai matlamatnya. Di dalam hal ini, pihak pengurusan Jabatan hendaklah mewujudkan mekanisma-mekanisma tertentu bagi membolehkan seluruh warga Jabatan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Jabatan ini harus mempertingkatkan keupayaan sumber manusianya, dengan pengetahuan dan kefahaman yang lebih tinggi mengikut kehendak dan keperluan semasa agar dapat mereka menjalankan tugas masing-masing secara profesional.

5. Sehubungan dengan ini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas penghasilan dua buah manual Jabatan ini yang mana dilancarkan secara rasminya pada hari ini. Saya percaya dengan adanya kedua-dua manual tersebut iaitu Panduan Mengenai Kertas Kerja Audit dan Manual Pengauditan Prestasi, akan dapat membantu seluruh warga Jabatan untuk memperkukuhkan lagi pengetahuan dan kepakaran mereka dalam melaksanakan tugas masing-masing.

6. Masalah akauntabiliti dalam perkhidmatan awam telah juga dilahirkan kepada saya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dahulu, dan beliau mahu agar kelemahan-kelemahan yang wujud diatasi. Kesulitan yang dihadapi oleh Jabatan Audit Negara dalam mengatasi beberapa kelemahan-kelemahan tersebut telah juga dimaklumkan dalam taklimat Ketua Audit Negara kepada saya baru-baru ini. Ini sangat membimbangkan lebih-lebih lagi apabila kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti dalam Laporan Ketua Audit Negara adalah merupakan juga kelemahan-kelemahan yang timbul berulang kali tahun demi tahun.

Di antaranya ialah kelewatan dalam penyerahan penyata kewangan oleh agensi-agensi Kerajaan, penyediaan penyata kewangan yang rendah mutunya, kawalan pengurusan kewangan yang longgar, kegagalan untuk mematuhi tatacara perakaunan yang standard, peningkatan tunggakan hasil serta kelewatan pembentangan penyata kewangan di Dewan Undangan Negeri/Parlimen. Adalah ketara bahawa masih banyak yang perlu dilakukan terutamanya apabila keadaan menunjukkan terdapatnya sebilangan agensi Kerajaan yang menghadapi masalah di dalam penyediaan penyata kewangan mereka.

7. Untuk menangani kelemahan ini, Jabatan Audit Negara perlu mengambil tindakan bagi memperluaskan lagi peranannya dengan mengadakan sesi dialog dan perbincangan serta juga khidmat nasihat kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mengenalpasti masalah dan seterusnya memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem pengurusan kewangan mereka. Malah ini adalah di antara tindakan proaktif yang saya rasa perlu diambil oleh Jabatan ini untuk membantu agensi-agensi Kerajaan lain yang memerlukan nasihat dan bimbingan. Melalui khidmat nasihat yang berkaitan, saya percaya kefahaman pegawai-pegawai dan agensi-agensi berkenaan dalam menyediakan penyata kewangan organisasi masing-masing dapat dipertingkatkan di samping menghapuskan rasa 'cemas' mereka setiap kali didatangi pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara untuk memeriksa kedudukan pengurusan kewangan jabatan.

8. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Jabatan ini yang telah bekerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) dan sebuah syarikat swasta dalam menghasilkan Sistem Perakaunan Berkomputer Yang Standard Di Badan-badan Berkanun Persekutuan ataupun ringkasannya SAGA.

Usahasama ini telah berjaya meraih Inovasi Penyelidikan Bersama Sektor Awam dan Sektor Swasta bagi tahun 1996, iaitu satu-satunya pemenang dalam kategori tersebut untuk tahun ini. Ini adalah di antara bentuk kerjasama yang seharusnya wujud di antara agensi-agensi Kerajaan dan swasta bagi membantu satu sama lain untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran negara keseluruhannya. Perhubungan dengan sektor swasta juga dapat memberikan faedah bermakna kepada peningkatan kualiti perkhidmatan dalam sektor awam. Akhir kata saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Jabatan Audit Negara di atas usaha-usaha yang telah dilakukan untuk mencapai kecemerlangan organisasi. Saya berharap agar usaha-usaha ini akan dapat terus dipertingkatkan demi mencapai kecemerlangan dalam pengurusan dan kawalan kewangan agensi-agensi Kerajaan di masa hadapan.

9. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Kualiti Jabatan Audit Negara bagi tahun 1996.